

SIARAN BERITA

KE ARAH ERA UNDANG-UNDANG PERSAINGAN BAGI BADAN-BADAN PROFESIONAL

KUALA LUMPUR, 28 May 2014 – “Perkhidmatan profesional mempunyai peranan yang penting dalam memperbaiki daya saing ekonomi Malaysia melihatkan kesan terhadap kualiti dan daya saing mereka mempunyai kesan limpahan yang penting,” kata Senator Dato' Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, Timbalan Menteri Perdagangan dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan semasa perasmian Sesi Rundingan Awam Penetapan Harga dan Skala Yuran oleh Badan-Badan Profesional oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) baru-baru ini.

“Ketiadaan kawal selia anti-persaingan bagi sekatan-sekatan dalam sektor ini akan membolehkan pengguna mendapat tawaran yang lebih kompetitif dan kualiti servis yang lebih baik dengan syarat-syarat yang lebih menguntungkan,” tambahnya lagi ketika menyampaikan ucapannya. Sesi rundingan ini adalah khas bagi ahli-ahli badan professional dan ianya merupakan perbincangan terbuka mengenai amalan penetapan harga dan skala yuran oleh badan-badan profesional dimana berkemungkinan menjadi satu pelanggaran dibawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010).

Sesi rundingan awam selama sehari ini dihadiri oleh seramai 130 orang peserta yang terdiri daripada golongan yang berkhidmat dalam perkhidmatan professional. Diantara penceramah yang telah diundang bagi sesi rundingan ini ialah Dato' Abdul Latif Abu Seman, Penolong Pengarah, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), En. Herbert Fung, Pengarah Bahagian Perniagaan dan Ekonomi dari Suruhanjaya Persaingan Singapura (CCS) dan ahli ekonomi dalam bidang persaingan, En. David Stallibrass.

Turut hadir menyambut delegasi-delegasi ialah Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, dan Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj. Satu panel perbincangan yang dikemudi oleh Tuan Ragunath Kesavan, Ahli Suruhanjaya MyCC, telah memberi peluang kepada ahli-ahli badan profesional berinteraksi serta meluahkan kebimbangan terhadap garis panduan skala yuran.

MyCC telah mengadakan kajian mengenai penetapan harga atau yuran oleh badan-badan profesional terhadap 131 persatuan daripada 35 sektor. Diantara hasil dari kajian tersebut ialah lima sektor telah dikenalpasti menetapkan yuran atau harga untuk ahli-ahli mereka walaupun mereka tidak diberikan kuasa oleh mana-mana undang-undang.

Keseluruhan cadangan-cadangan daripada MyCC adalah berdasarkan penilaian pasaran mengenai penetapan harga atau yuran, peraturan yang melibatkan bayaran-bayaran sedemikian, pembentukan kekayaan secara keseluruhan dengan adanya persaingan, dan skala yuran mandatori yang dihakimi dengan lebih tegas berbanding Garis Panduan Cadangan Harga.

"Badan-badan profesional diharapkan dapat memberi bantuan kepada ahli-ahli baru dan tidak berpengalaman dengan mencadangkan tanda aras harga sebagai satu panduan tetapi dicadangkan supaya badan profesional masih perlu membantu ahli-ahli tanpa mengambil jalan keluar dengan menggunakan mekanisme penentuan harga yang merupakan anti-persaingan secara tidak langsung seperti meningkatkan kos margin keuntungan dan kos tetap ahli-ahli," kata Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj.

Kajian empirik menunjukkan persaingan secara terbuka bukan satu halangan dan sebenarnya membawa ke penciptaan kekayaan secara keseluruhannya. Peraturan juga

sepatutnya dijadikan kepentingan awam secara keseluruhannya, berdasarkan objektif tertentu serta jelas, tertakluk kepada semakan semula yang berterusan dan tidak semestinya terbatas kepada pasaran persaingan yang bebas.

Berikutan penerbitan kajian tersebut, *Institute of Chartered Secretaries and Administrators Malaysia* (MAICSA) menarik balik cadangan-cadangan bayaran yang disarankan oleh mereka. Beberapa persatuan juga telah memohon untuk mengadakan mesyuarat. Tambahan pula, MyCC telah menulis kepada lima sektor yang didapati menetapkan skala yuran walaupun mereka tidak diberikan kuasa oleh undang-undang untuk melakukannya, untuk mendapatkan penjelasan mengenai amalan mereka itu.

Pada masa akan datang, Shila, memaklumkan bahawa rundingan secara individual bagi pihak-pihak berkepentingan bersama pelbagai sektor untuk mendapat pemahaman mendalam bagi justifikasi terhadap aktiviti-aktiviti penetapan harga mereka akan dimulakan sebelum sebarang keputusan lanjut dibuat oleh MyCC mengenai perkara ini.

Kajian tersebut boleh didapati di laman web MyCC di www.mycc.gov.my. Semua pihak-pihak yang berkepentingan adalah digalakkan untuk membaca kajian tersebut serta memberikan maklum balas tentang kajian tersebut. Sebarang pertanyaan mengenai program advokasi boleh diajukan kepada spiad@mycc.gov.

---tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: rowena@mycc.gov.my

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)



Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.